



PARA peserta bengkel merakamkan gambar kenangan.

UMS semak kurikulum prasiswazah

UB 20.2.2019 B2

► Tambah baik program akademik

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) menjalankan semakan semula kurikulum prasiswazah bagi menerapkan beberapa nilai yang telahpun dikenal pasti sejak semakan yang telah dijalankan terdahulu.

Antara nilai yang telah dikenal pasti adalah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, Revolusi Industri 4.0, Kehendak Industri Semasa, Trend

Pasaran Kerja Masa Depan, ‘Constructive Alignment on Outcome-based Education’, ‘Classroom of the Nature’, Nilai ‘Love, Happiness and Mutual Respect’, Nilai ‘Dynamic, Sustainable, Integrity, Justice, Happiness’ serta ‘Branding – Smart-Eco UMS 4.0’.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS Profesor Dr Rasid Mail, semakan kali ini merupakan rombakan besar sejak 12 tahun lalu,

dan ia merupakan salah satu aktiviti utama sempena sambutan Jubli Perak penubuhan UMS.

“Objektif bengkel ini adalah untuk menentukan kaedah-kaedah mengoperasikan semakan kurikulum untuk semua program akademik

di UMS

“Objektif bengkel ini adalah untuk menentukan kaedah-kaedah mengoperasikan semakan kurikulum untuk semua program akademik di UMS berdasarkan hala tuju Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan UMS, dan perkembangan terbaru nilai, amalan serta agenda yang mempengaruhi pendidikan tinggi.”

PROFESOR DR RASID MAIL
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS



TH HOTEL
Kota Kinabalu, Sabah

RASID ketika menyampaikan ucapan aluan bengkel Semakan Kurikulum Prasiswazah UMS 2019.



SEBAHAGIAN peserta bengkel itu yang bertemakan Towards Future-Ready Academic Programmes.



berdasarkan hala tuju Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan UMS, dan perkembangan terbaru nilai, amalan serta agenda yang mempengaruhi pendidikan tinggi. Kaedah-kaedah ini akan digunakan dalam semakan kurikulum yang formal di fakulti selepas bengkel ini,” jelasnya.

Beliau berkata demikian

pada sidang media selepas mewakili Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr D Kamarudin D Mudin merasmikan bengkel itu.

“Adalah dijangkakan bahawa bengkel ini menjadi platform untuk membincangkan isu-isu terkini dan dapat menambah baik kurikulum bagi semua program akademik

UMS agar relevan dengan keperluan masa kini.

“Adalah juga diharapkan bahawa graduan UMS yang akan mengikuti kurikulum yang telah diubah suai akan mengikuti program akademik dalam suasana yang gembira dan memotivasi, dan seterusnya dapat menguasai hasil pembelajaran yang memenuhi keperluan segera serta industri,” tambahnya.

Bengkel yang dijalankan selama tiga hari itu melibatkan penyertaan daripada 10 fakulti dan dua pusat dalam UMS yang disertai oleh 110 orang yang terdiri daripada para dekan, pengarah, timbalan dekan, ketua program, penyelaras dan penolong pendaftar kanan akademik.

Turut hadir pada bengkel itu, Presiden Persekutuan Industri Sabah Datuk Ir Chong Hon Len, Presiden Kadazandusun Chamber of Commerce and Industry (KCCI) Datuk Bonipasius Bianis, Pengurus Persatuan Jurutera Perunding Malaysia cawangan Sabah Ir Tan Kok Jyh serta Pengurus ASM Management Ahmad Syabirin sebagai wakil alumni UMS.